

**PROGRAM, PERATURAN DAN  
DASAR PERJUANGAN  
PARTI SOSIALIS MALAYSIA**



**DINAMIK, BERANI & BERPRINSIP**

**KEMASKINI 2018**

Hakcipta Terpelihara 2018 Parti Sosialis Malaysia

Cetakan pertama tahun 2007

Kemaskini pertama – Tahun 2009

Kemaskini kedua – Tahun 2018

Semua cetakan, keluaran, salinan semula buku ini perlu mendapatkan kebenaran Parti Sosialis Malaysia secara bertulis.

Untuk Edaran kepada ahli sahaja.

Dikeluarkan oleh

**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

No.140, Tingkat 1, Jalan Sultan Abdul Samad, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur.

[partisosialis.org](http://partisosialis.org)

Email: [pusat@partisosialis.org](mailto:pusat@partisosialis.org)

## KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI PARTI SOSIALIS MALAYSIA .....	4
DOKUMEN ASAS PERJUANGAN PARTI – DASAR ASAS PERJUANGAN – DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 1991. ....	6
UNDANG – UNDANG PERTUBUHAN .....	9
FASAL 1 NAMA .....	10
FASAL 2 ALAMAT .....	10
FASAL 3 BENDERA DAN LAMBANG .....	10
FASAL 4 TUJUAN DAN MATLAMAT .....	11
FASAL 5 KEAHLIAN .....	12
FASAL 6 YURAN KEAHLIAN .....	13
FASAL 7 HAK DAN TANGGUNGJAWAB AHLI .....	13
FASAL 8 PERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI .....	13
FASAL 9 TINDAKAN DISIPLIN .....	14
FASAL 10 KONGRES NASIONAL .....	14
FASAL 11 JAWATANKUASA PUSAT DAN SEKRETARIAT .....	16
FASAL 13 CAWANGAN .....	18
FASAL 14 TUGAS AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN .....	23
FASAL 15 KEWANGAN .....	24
FASAL 16 PEMERIKSAAN KIRA-KIRA .....	25
FASAL 17 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG .....	25
FASAL 18 PINDAAN UNDANG-UNDANG .....	25
FASAL 19 PEMBUBARAN PARTI .....	25
GARIS JUANG PARTI - PARTY LINE .....	27
REGULASI TATATERTIB .....	35
REGULASI AHLI PERWAKILAN NEGERI .....	38
SESI PERBINCANGAN DALAMAN – KEPIMPINAN AHLI .....	40
GARISPANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKKAN KEWANGAN .....	42
TATACARA PERJALANAN PILIHANRAYA JAWATANKUASA PUSAT PARTI ..	44
CIRI –CIRI PSM .....	46
LAGU RASMI PARTI SOSIALIS MALAYSIA .....	47
LAGU INTERNATIONALE – VERSI BAHASA MALAYSIA .....	47

## **KATA-KATA ALUAN PENERUSI PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Saya bagi pihak Parti Sosialis Malaysia (PSM) ingin mengucapkan syabas kerana saudara/i membuat keputusan menyertai perjuangan PSM demi mempertahankan hak golongan pekerja yang tertindas.

Kita sedar bahawa sebahagian besar rakyat didalam negara kita ini terdiri dari mereka yang bekerja. Yang tidak bekerja seperti kanak-kanak golongan muda, golongan tua dan mereka yang kurang upaya mengharapkan kepada golongan pekerja bagi menampung sata hidup mereka.

Kini anda sudah menjadi ahli keluarga PSM dan diterima sebagai komrad dalam perjuangan menentang kapitalisme yang menghancurkan kemanusiaan dan persekitaran. Juga sebagai saru keluarga yang besar kita mengamalkan sikap saling hormat menghormati, berkongsi pendapat dan saling bantu membantu seperti pepatah kata "Yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing"

Keinginan komrad untuk mengembang dan memperjuangkan ideologi Sosialisma adalah satu tindakan yang bukan saja mengubahkan ragam kehidupan sendiri untuk selamalamanya tetapi juga akan mengubahkan sesiapa jua yang mengalami sentuhan keramat perjuangan sosialis. Diatas kesedaran inilah maka komrad Sosialis ingin mengubahkan dunia ini berperingkat peringkat megikuti rentak keadaan hingga rakyat jelata mampu memahami, mampu menganalisis dan mampu bertindak menegakkan kebenaran.

Sedarlah, perjuangan ini bukanlah suatu perkara yang senang bukanlah perkara yang enteng kerana kami sering dihasak dengan pelbagai cabaran dan tekanan dari gergasi gergasi kapitalis ( serta kuncu-kuncu mereka) yang lengkap dengan tipu helah propaganda dan mengkhianati kehendak rakyat jelata dengan ugutan kuasa melalui teknologi perangnya.

Maka, itu komrad komrad haruslah meneliti sejarah perjuangan sosialisma supaya lebih sedar bahawa meskipun dalam keadaan yang terhasak kita langkah kita mengesan dan mendedahkan kepincangan sistem kapitalisma yang kian memakan golongan kapitalis sendiri. Walaupun begitu kita juga mempunyai kelemahan tertentu. Tugas komrad adalah untuk mengatasi agar musuh tidak mengunakkannya bagi menghancurkan perjuangan kita.

Untuk membolehkan kita bergerak dengan lebih berkesan lagi maka kita haruslah mengenali dan mengkaji sejarah tamadun dunia pada peringkat sistem komunis purba dan primitif , sistem pengabdian, sistem feodal, sistem kapitalis dalam pelbagai bentuk ( kolonialisma, imperialisma, globilisasi), sistem sosialisma dan seterusnya sistem komunisma yang termoden. Sejarah ini serta keunikan masyarakat-masyarakat tertentu juga dapat meningkatkan lagi peranan, semangat dan kekuatan rakyat ( sebagai golongan

pekerja) menentang segala jenis penindasan, kezaliman dan nafsu kebendaan yang melampau batasan hidup.

Apabila kita dapat mengupas ilmu ini dan benar-benar mengerti tugas kita didalam dunia yang berat sebelah ini, maka semangat perjuangan akan membara ,meresapi seluruh anggota dan darah daging kita perasaan gerun dan takut dan isu pengorbanan tidak timbul lagi kerana matlamat kita sudah jelas bahawa kita tidak membenarkan sesiapa menindas sesiapa dan berpendirian teguh bahawa golongan pekerja adalah golongan revolusioner yang berupaya mengubah segala hubungan manusia dan kemanusiaan hingga sifat demokrasi, kebebasan dan keadilan sudah menjadi amalan dan budaya semulajadi.

Maka itu marilah kita berganding bahu mencungkil ilmu, mengkaji keadaan dan apabila keputusan sudah dibuat maka kita akan bertindak sebagai satu seperti cahaya halilintar yang sabung meyabung.menghentam sasaran demi sasaran dengan gegaran letupan yang membingitkan, meminggirkan dan melumpuhkan musuh.

Justeru itu kejayaan perjuangan sosialis bergantung penuh kepada kesinambungan yang teratur dalam memantapkan ideologi dan merangsangkan jiwa kepimpinan semua

Hidup pekerja! Hidup Perjuangan ! Hidup Sosialisma !!!

***Dr.Mohd Nasir Hashim***

Pengerusi Parti Sosialis Malaysia  
2006.

# **DOKUMEN ASAS PERJUANGAN PARTI – DASAR ASAS PERJUANGAN – DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 1991.**

Perkara-perkara yang harus mendapat perhatian kita adalah parti ;

## **Sebagai Parti Pekerja**

- Program yang mempunyai aspirasi sosialisma
- Tegur menegur ( mengkritik dan dikritik) dari segi pemikiran dan kegiatan agar parti dapat berkembang dan mengukuhkan kedudukannya sebagai parti pekerja

## **Sebagai Barisan Hadapan**

- Bukanlah menjadi segolongan elit yang terpisah dari kelas pekerja ( rakyat biasa)
- Membimbing kelas pekerja dari dalam dan bukan dari luar.

## **Sebagai Badan Perjuangan**

- Tidak harus menganggap kepimpinannya terhadap kelas pekerja sebagai hak mutlak. Tetapi parti mesti membuktikan kewibawaannya untuk memimpin disertai dengan cadangan dan tindakan terhadap segala isu yang menimpa kelas pekerja, tidak kira sama ada isu ini dikatkan dengan masalah ditempat kerja ataupun perkara yang berkaitan dengan politik dunia .
- Mesti membuktikan kemampuannya untuk berjuang habis-habisan mempertahankan hak kelas pekerja dan mereka yang tertindas.
- Melengkapkan parti agar dapat sesuaikan diri mengikut keadaan semasa dan boleh bertukar haluan dari meja perundingan ke jalanraya( tindakan perindustrian) dan sebaliknya.
- Ahli-ahli mesti aktif dan sanggup berkorban demi mempertahankan hak generasi pada masa kini dan masa yang akan datang.

## **Pemusatan Demokrasi**

- Mampu menyatukan demokrasi dan memusatkan gerakan rakyat berasaskan kepada sifat pertentangan kelas yang wujud didalam masyarakat.
- Demokrasi amatlah penting kerana sebenarnya parti bukanlah secara automatik, menjadi tuan kepada kelas pekerja tetapi sebagai alat atau jentera pekerja untuk membebaskan kelas pekerja dari segala jenis penindasan.
- Sekiranya tidak ada demokrasi dan perbincangan yang terbuka maka parti tidak dapat mengatur langkah untuk menyesuaikan diri dalam keadaan tertentu dan seterusnya tidak dapat memenuhi kehendak dan keperluan kelas pekerja.
- Pemusatan amatlah penting kerana parti terpaksa berjuang habis-habisan untuk menentang musuh (kapitalis) yang mempunyai birokrasi yang tersusun dan lengkap dengan teknologi perangnya.

- Sekiranya tidak ada perpaduan didalam perjuangan maka kegagalan tetap menjadi satu kepastian .
- Parti bukanlah satu persatuan perbincangan(debating society). Maka itu demokrasi diamalkan untuk membolehkan ahli-ahli berbincang antara satu sama lain agar dapat mencapai satu persetujuan. Keputusan ini pula dikuatkuasakan atau dipusatkan secara tersusun dan padu.

### **Kebebasan Parti**

- Bergerak berasaskan kepada prinsip sosialisma dan memperjuangkan hak kelas pekerja yang memang mempunyai sejarah yang teristimewa.
- Ini tidaklah bermakna parti tidak boleh bekerjasama berkompromi, mengadakan perjanjian sementara dan lain2 dengan badan-badan lain. Tetapi parti tetap berhak untuk mengkritik memperjuangkan pendirian politiknyanya dan bergerak sebagai satu badan yang bebas.
- Tidak membenarkan dirinya secara mudah diperdayakan dengan unsur chauvinis, mengagungkan individu tertentu ataupun mudah terpengaruh dengan golongan reformis kiri yang cuba membayangkan sifat radikal.

### **Berperanan Menyatukan Kelas Pekerja.**

- Parti adalah barisan hadapan yang mesti mengekalkan kebebasannya dan peranannya adalah untuk menyatukan kelas pekerja.
- Mesti menentang segala usaha yang memecah belahkan perpaduan kelas pekerja seperti pemisahan kaum, mengagongkan tempat kelahiran, antara wanita dan lelaki, antara mahir dengan tidak mahir, antara yang bekerja dan yang menganggur, antara muda dan tua dan lain2 yang sengaja ditonjolkan oleh golongan kapitalis dan kunci-kuncunya untuk mengekalkan kuasa mereka.
- Tidak seharusnya menjadi batu penghalang kepada perpaduan kelas pekerja yang berjuang menentang kapitalis serta pemimpin politik yang menjadi tali barutnya.
- Hubungan parti dengan pelbagai haluan politik yang wujud dikalangan kelas pekerja adalah bersifat –berbaris secara berasingan dan bertindak secara satu.
- Walaupun kelembapan pekerja-pekerja tertentu dapat melemahkan program dan dasar yang sedia ada namun begitu parti tidak seharusnya membelakangkan golongan ini dan berusaha dengan lebih gigih lagi mendampingi mereka ini. Ini bermakna parti harus berusaha mendekati kesatuan sekerja; bekerjasama dengan parti sosial demokrat menentang parti bujousis; dan menyertai dalam pilihanraya serta menggunakan masa keemasan ini untuk berkempen untuk mempengaruhi bakal pengundi dan orang ramai.

### **Program pendidikan**

- Melatih pemimpin sosialis agar mampu membuat keputusan berasaskan kepada analisis yang jitu terhadap keadaan yang berlaku didalam masyarakat.

- Melatih lebih ramai lagi lapisan pekerja yang berupaya menyatukan teori dan praktis dan memahami perjuangan kelas pekerja secara menyeluruh dan mengatur langkah untuk mengatasinya.
- Gigih menterjemahkan dan memudahkan teori kepada bahasa yang senang difahami didalam media massa disertakan dengan pelbagai misalan, amalan dan pengalaman.
- Harus belajar dari rakyat dan disamping itu mengajar mereka.

### **Penyatuan dan Menguasai Keadaan**

- Harus berusaha menyatukan semua kekuatan dari mereka yang tertindas untuk menentang kapitalisma dibawah kepimpinan kelas pekerja.
- Menyatukan golongan pekerja dibandar dengan petani diluar bandar agar dapat saling membantu.
- Memberikan sokongan kepada segala tuntutan yang adil oleh golongan yang tertindas dan disamping itu meyakinkan mereka bersatu didalam perjuangan ini.
- Meyakinkan lagi kelas pekerja bahawa mereka berupaya menjadi barisan hadapan didalam perjuangan ini dan sekali gus mengekalkan kepimpinan dan perjuangan yang berterusan.
- Parti menjadi kukuh dan berwibawa untuk memimpin sekiranya sentiasa berusaha mendapatkan sokongan dari kelas pekerja.

### **Kelas Antarabangsa**

- Kelas pekerja didalam negara tertentu menjadi kukuh lagi apabila ianya dapat bersatu dan mendapat sokongan diperingkat antarabangsa dan akhirnya menajdi satu gagasan parti antarabangsa untuk menentang golongan kapitalis yang menjadikan dunia ini sebagai kawasan takluknya.
-



# **UNDANG – UNDANG PERTUBUHAN**

**PARTI SOSIALIS MALAYSIA (BARU)  
SOCIALIST PARTY OF MALAYSIA**

## **KANDUNGAN**

Pendahuluan

FASAL 1	NAMA
FASAL 2	ALAMAT
FASAL 3	BENDERA DAN LAMBANG
FASAL 4	TUJUAN DAN MATLAMAT
FASAL 5	KEAHLIAN
FASAL 6	YURAN KEAHLIAN
FASAL 7	HAK DAN TANGGUNGJAWAB AHLI
FASAL 8	BERHENTI DAN PEMECATAN AHLI
FASAL 9	TINDAKAN DISIPLIN
FASAL 10	KONGRES NASIONAL
FASAL 11	JAWATANKUASA PUSAT DAN SEKRETARIAT
FASAL 12	TUGAS AHLI JAWATANKUASA PUSAT DAN SEKRETARIAT
FASAL 13	CAWANGAN
FASAL 14	TUGAS AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN
FASAL 15	KEWANGAN
FASAL 16	PEMERIKSAAN KIRA-KIRA
FASAL 17	TAFSIRAN UNDANG-UNDANG
FASAL 18	PINDAAN UNDANG-UNDANG
FASAL 19	MEMBUBARKAN PARTI

**UNDANG – UNDANG PERTUBUHAN  
PARTI SOSIALIS MALAYSIA (BARU)  
(SOCIALIST PARTY OF MALAYSIA)**

**Pendahuluan**

Parti Sosialis Malaysia (Baru) atau Socialist Party of Malaysia adalah parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat perjuangan rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

**FASAL 1      NAMA**

Nama parti ialah Parti Sosialis Malaysia (Baru) atau PSM dan dalam Bahasa Inggeris sebagai Socialist Party of Malaysia atau SPM, dan seterusnya disebut sebagai “Parti”.

**FASAL 2      ALAMAT**

Alamat dan ibu pejabatnya ialah di 47, Tingkat 3, Jalan Dinar G, U3/G, Subang Perdana, 40150 Shah Alam atau di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat Parti dari semasa ke semasa dan dipersetujui oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu. *(telah dipinda ke alamat kini)*

**FASAL 3      BENDERA DAN LAMBANG**

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Bendera parti berlatarkan warna merah dan ditengahnya gambar genggam tangan berwarna putih. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan. PSM bermaksud Parti Sosialis Malaysia. Lambang parti adalah seperti berikut



## **FASAL 4 TUJUAN DAN MATLAMAT**

1. Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
2. Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
3. Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang di antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
4. Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama;
5. Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
6. Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan daerah serta negeri untuk menyertai proses pembentukan ideologi dan pembinaan semula keutamaan-keutamaan nasional agar wujud persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
7. Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokripsi dan kepalsuan.
8. Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
9. Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual
10. Memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga mereka serta keperluan masyarakat terutamanya keselamatan, gaji, rumah dan pemilikan tanah, kemudahan asuhan kanak-kanak, kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan sebagainya
11. Menyediakan latihan serta latihan semula yang digabungkan dengan program pendidikan untuk membolehkan penguasaan kemahiran yang lebih baik dan menyedarkan pekerja terhadap hak dan tanggungjawab sosial, politik dan ekonomi mereka kepada masyarakat dan negara.
12. Menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja yang menjangkau jenis dan bidang pekerjaan serta menggubal undang-undang yang melindungi hak pekerja serta menyediakan suasana pekerjaan yang sesuai agar menjadikan kerja itu sebagai sesuatu yang lebih bermakna dan menggembirakan.
13. Memberi keutamaan kepada kumpulan khas dalam institusi kekeluargaan khususnya wanita yang mengandung dan menyusukan anak, bayi dan kanak-kanak, wargatua dan mereka yang kurang berkeupayaan.
14. Mewujudkan keseimbangan di antara pembangunan pertanian dan industri agar tidak tertumpu kepada kawasan yang tertentu sahaja dan menggalakkan integrasi antara sektor-sektor ekonomi.
15. Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian, iaitu daripada peringkat penghasilan bahan mentah sehingga kepada peringkat pemerosesan (iaitu pengeluaran, pemasangan dan pembinaan), pemasaran dan perkhidmatan. Usaha perlu dilaksanakan untuk menghalang penindasan dan diskriminasi agar tidak memberi kesan buruk kepada hubungan sosial di tempat kerja, keluarga dan masyarakat.
16. Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan bertolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

17. Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah, dan membuat perancangan sosioekonomi untuk memastikan wujudnya peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang.
18. Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
19. Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan dengan mengadakan usaha untuk mendampingi alam semulajadi dan menyediakan gantian yang setimpal terhadap sesuatu tindakan perubahan rupa bumi yang tidak dapat dielakkan.
20. Menyediakan pilihan dalam penggunaan teknologi yang bersesuaian untuk membangunkan sumber negara selaras dengan kehendak rakyat
21. Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi (red tape) yang mengekang pembangunan – birokrasi hanyalah dianggap sebagai alat untuk mengurus dan memudahkan pentadbiran bagi mencapai matlamat mengikut satu jangkamasa yang ditetapkan.
22. Melaksanakan kegiatan yang dapat meluaskan matlamat parti seperti:
  - I. Mewujudkan perbagai biro secara berperingkat
  - II. Bertanding dalam pilihanraya di semua peringkat
  - III. Menerbitkan bahan bacaan dan audio-video bagi meluaskan penerangan mengenai Parti dan maklumat yang selaras dengan perjuangan Parti dengan syarat mendapat kebenaran dari pihak berkuasa terlebih dahulu
  - IV. Mendapatkan sumber kewangan bagi keperluan Parti
  - V. Bergerak bersama pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai cita-cita dan hasrat yang selaras dengan perjuangan Parti.

## **FASAL 5 KEAHLIAN**

1. Terbuka kepada setiap rakyat warganegara Malaysia, berumur 18 tahun atau lebih, tanpa mengira kaum, jantina, warna kulit atau agama, yang sanggup berkhidmat bersama rakyat, khususnya golongan bawahan serta yakin dan mengamalkan prinsip dan cita-cita Parti, dan tidak menjadi ahli mana-mana parti politik lain, adalah layak untuk menjadi ahli Parti.
2. Ahli Parti adalah seorang yang menerima cita-cita, prinsip dan program Parti sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat, sentiasa menyertai mesyuarat, aktif dalam kegiatan Parti, sentiasa membayar yuran dan berusaha memahami dan menyelesaikan masalah rakyat.
3. Borang permohonan keahlian boleh diperolehi daripada Cawangan atau Ibu Pejabat Parti. Pemohon perlu mengemukakan borang keahlian yang disahkan oleh sekurang-kurangnya seorang ahli parti. Setiap permohonan perlu dikemukakan kepada Setiausaha Cawangan bersama yuran masuk dan yuran tahunan bagi tahun berkenaan.
4. Setiap permohonan akan dibentangkan dalam mesyuarat Cawangan dan keputusan akan diumumkan kepada pemohon dalam masa 30 hari selepas penerimaan permohonan.

5. Jika permohonan ditolak ataupun tiada sebarang jawapan daripada Cawangan dalam tempoh 30 hari, pemohon boleh merayu kepada Jawatankuasa Pusat. Sebarang keputusan Jawatankuasa Pusat adalah muktamad.
6. Bagi kawasan yang tidak mempunyai Cawangan, permohonan boleh dikemukakan terus kepada Jawatankuasa Pusat. Sebarang keputusan Jawatankuasa Pusat adalah muktamad.

## **FASAL 6 YURAN KEAHLIAN**

1. Yuran tahunan ahli ialah sepuluh ringgit (RM10) setiap tahun dan yuran masuk adalah lima ringgit (RM5).
2. Setiap ahli perlu membayar yuran tahunan pada atau sebelum 7 Februari.

## **FASAL 7 HAK DAN TANGGUNGJAWAB AHLI**

1. Setiap ahli Parti berhak dan bertanggungjawab menyertai proses Parti menggubal dasar dan pemilihan jawatankuasa, sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Ahli berhak mengundi bagi penggubalan dasar dan pemilihan pemimpin, jawatankuasa dan perwakilan.
2. Selepas perbincangan di peringkat Cawangan, Jawatankuasa Pusat dan Kongres Nasional, setiap ahli bertanggungjawab melaksanakan keputusan yang ditetapkan.
3. Semua ahli bertanggungjawab menjalin hubungan dengan semua lapisan rakyat, khususnya golongan bawahan, bagi membantu dan berdialog dengan mereka serta menjelaskan cita-cita dan prinsip Parti.
4. Semua ahli harus berusaha memahami dengan lebih mendalam keadaan politik, ekonomi dan sosial semasa, dengan berteraskan analisis sosialisme, iaitu usaha menyelesaikan masalah rakyat demi mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama.

## **FASAL 8 PERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

1. **Menjadi ahli tanpa mengikut saluran sah** - Jika Jawatankuasa Pusat mendapati ahli tidak mengikut saluran yang sah dan kemudian menjadi ahli, maka keahlian ahli berkenaan adalah terbatal.
2. **Meletak jawatan/Keluar parti** - Ahli boleh pada bila-bila masa memberi notis bertulis kepada Setiausaha Cawangan memaklumkan perletakan jawatan/keluar parti. Jawatankuasa Cawangan berhak mengambil tindakan mahkamah, jika perlu, untuk mendapatkan semula sebarang dokumen, wang, barang-barang atau gantian kerosakan harta Parti daripada ahli berkenaan.

3. **Kematian** - Ahli yang meninggal dunia dianggap berhenti menjadi ahli.
4. **Pemecatan** - Ahli yang dipecat mengikut Fasal 9 dianggap berhenti menjadi ahli.
5. **Tidak membayar yuran** - Ahli yang gagal membayar yuran dalam masa yang dibenarkan mengikut Fasal 6 dianggap berhenti menjadi ahli.
6. **Menjadi ahli parti politik yang lain** - Ahli yang menjadi ahli parti lain atau sudah menyertai parti lain dianggap berhenti menjadi ahli.

## **FASAL 9 TINDAKAN DISIPLIN**

1. Sebuah Jawatankuasa Tatatertib yang dianggotai oleh lima (5) ahli parti yang bukan Ahli Jawatankuasa Pusat perlu dipilih oleh Kongres Nasional dua tahun sekali. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa untuk menggantung mana-mana ahli atau Cawangan bagi sebarang tindakan yang dianggap menjejaskan Parti atau nama Parti sementara menunggu keputusan siasatan.
2. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa menggantung mana-mana ahli, Cawangan, Bahagian atau Pentadbiran Negeri bagi sebarang tindakan yang dianggap menjejaskan Parti atau nama Parti sementara menunggu keputusan siasatan.
3. Ahli yang digantung keahlian akan dipanggil oleh Jawatankuasa Tatatertib untuk mendapatkan penjelasan mengapa ia tidak perlu dipecat oleh Parti. Jawatankuasa Tatatertib akan menentukan keputusan sama ada memecat atau mengenakan tindakan tatatertib, mengikut mana-mana yang perlu.
4. Mana-mana ahli yang tidak puas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pusat dalam masa empat belas (14) hari selepas keputusan dimaklumkan kepada ahli berkenaan. Keputusan Jawatankuasa Pusat adalah muktamad, jika tiada rayuan lanjut.
5. Mana-mana ahli yang tidak puas hati dengan keputusan Jawatankuasa Pusat boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Kongres Nasional dalam masa empat belas (14) hari selepas keputusan dimaklumkan kepada ahli berkenaan. Keputusan Kongres Nasional adalah muktamad dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana Mahkamah.

## **FASAL 10 KONGRES NASIONAL**

1. Kongres Nasional adalah badan tertinggi dalam parti yang menentukan apa yang harus menjadi tugas dan tanggungjawab parti dan Jawatankuasa Pusat. Ia mentakrifkan program politik parti dan memberi keputusan muktamad berhubung organisasi, strategi, taktik dan sebarang pindaan untuk Perlembagaan. Jawatankuasa Pusat dipilih oleh Kongres Nasional.

2. Kongres Nasional akan bersidang setahun sekali dan Perwakilan ke Kongres Nasional adalah Ahli Jawatankuasa Pusat yang sedia ada dan perwakilan yang dipilih oleh Cawangan masing-masing. dalam Mesyuarat Agung Tahunan cawangan.
3. Jawatankuasa Pusat juga boleh menjemput mana-mana ahli parti dan peserta selain dari ahli parti sebagai pemerhati tanpa kuasa mengundi dalam kongres.
4. Notis dan pengumuman awal mengenai Kongres Nasional yang menyatakan tarikh, waktu, tempat, panggilan mengemukakan usul untuk perbincangan, cadangan untuk meminda undang-undang dan percalonan untuk pemilihan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Agung kepada setiap Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Kongres Nasional.
5. Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat Parti. Nama-nama wakil delegasi, usul untuk pembentangan di Kongres Nasional dan pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Pusat dan cadangan lain untuk dibincangkan dalam Kongres Nasional hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh Kongres Nasional.
6. Korum untuk Kongres Nasional dianggap cukup jika Separuh ahli delegasi sah campur satu (50% + 1) delegasi yang dipilih hadir.
7. Jika Korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk Kongres Nasional, maka Kongres Nasional itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh lain yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat; dan jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka wakil delegasi yang hadir mempunyai kuasa untuk menjalankan mesyuarat pada hari tersebut tetapi tiadalah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan Parti.
8. Mesyuarat khas, selain Kongres Nasional, dalam tahun yang sama boleh diadakan atas permintaan dua pertiga ahli Jawatankuasa Pusat atau satu pertiga daripada jumlah semua Cawangan dengan syarat cawangan-cawangan itu telah mengadakan mesyuarat khas Cawangan atas perkara yang sama.
9. Kongres Nasional harus memilih seorang Speaker untuk mengendalikan mesyuarat yang mana Speaker juga mempunyai hak mengundi.
10. Pengumuman dan agenda untuk Kongres Nasional Khas hendaklah didedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan oleh Setiausaha Agung tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk Kongres Nasional Khas.
11. Fasa 10(6) dan 10 (7) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Kongres Nasional boleh digunakan untuk Kongres Nasional Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas satu jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Kongres Nasional Khas itu atas permintaan cawangan-cawangan, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6

bulan daripada tarikh ini, Kongres Nasional Khas yang dipohon dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.

## **FASAL 11 JAWATANKUASA PUSAT DAN SEKRETARIAT**

1. (a) Jawatankuasa Pusat dianggotai seperti berikut:
  - I. Seorang Pengerusi
  - II. Seorang Timbalan Pengerusi
  - III. Seorang Setiausaha Agung
  - IV. Seorang Timbalan Setiausaha Agung
  - V. Seorang Bendahari
  - VI. Seorang Timbalan Bendahari
  - VII. Sembilan Ahli Jawatankuasa (9 ahli)
- (b) Semua ahli yang berkhidmat didalam Jawatankuasa Pusat dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif di dalam parti itu hendaklah warganegara Malaysia.
2. Pemilihan bagi Ahli Jawatankuasa Pusat diadakan setiap dua tahun sekali dalam Kongres Nasional. Setiap ahli berhak bertanding semua jawatan. Ahli Jawatankuasa Pusat dipilih daripada perwakilan dalam Kongres Nasional.
3. Jawatankuasa Pusat adalah badan tertinggi selepas Kongres Nasional. Ia memastikan pelaksanaan dasar yang diputuskan dalam Kongres Nasional dan menangani perkara-perkara penting dalam parti apabila Kongres Nasional tidak bersidang.
4. Jawatankuasa Pusat harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan dan notis pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan seminggu sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pusat. Korum kehadiran adalah sekurang-kurangnya separuh daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
5. Bagi menjalankan tugas pentadbiran harian dan urusan perkara-perkara tergepar, sebuah Sekretariat ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pusat dengan dianggotai oleh:
  - I. Pengerusi,
  - II. Timbalan Pengerusi,
  - III. Setiausaha Agung,
  - IV. Bendahari
  - V. Ahli Jawatankuasa (3 ahli)
6. Sekretariat harus bermesyuarat sekerap yang mungkin dengan kuorum sekurang-kurangnya separuh daripada keahlian. Setiausaha, dengan kebenaran Sekretariat, boleh menjemput mana-mana ahli parti untuk menghadiri mesyuarat Sekretariat, dengan syarat ahli berkenaan tidak mempunyai hak untuk mengundi.



7. Keputusan Sekretariat harus dilaporkan oleh Setiausaha dengan menyediakan minit mesyuarat kepada Jawatankuasa Pusat.
8. Jika seorang Ahli Jawatankuasa Pusat meninggal dunia atau meletakkan jawatan maka Jawatan tersebut dianggap kosong sehingga kongres yang akan datang..

## **FASAL 12 TUGAS AHLI JAWATANKUASA PUSAT DAN SEKRETARIAT**

1. Pengerusi bertanggungjawab memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat, Mesyuarat Sekretariat dan mesyuarat-mesyuarat lain. Pengerusi bertanggungjawab menandatangani minit mesyuarat dan menjaga pentadbiran Parti, memastikan semua Ahli Jawatankuasa menjalankan tugas dan tanggungjawab, memegang amanah menjaga kepentingan Parti.
2. Timbalan Pengerusi bertanggungjawab membantu Pengerusi. Apabila ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi akan memangku jawatan Pengerusi dan menjalankan tugas dan tanggungjawab Pengerusi.
3. Setiausaha Agung bertanggungjawab menjalankan tugas mengikut arahan Pengerusi dan Jawatankuasa Pusat dan Sekretariat dan apabila diarahkan oleh Jawatankuasa Pusat atau Sekretariat, Setiausaha Agung berhak memanggil mesyuarat. Setiausaha Agung bertanggungjawab menyimpan rekod semua mesyuarat, surat-menyurat, dokumen dan sebarang dokumen berkaitan, menyelenggara buku daftar ahli, menyediakan dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Pusat dan Sekretariat serta Kongres Nasional. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Kongres Nasional diadakan mengemukakan penyata tahunan parti kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966.
4. Timbalan Setiausaha Agung bertanggungjawab membantu Setiausaha Agung . Apabila ketiadaan Setiausaha Agung, Timbalan Setiausaha Agung akan memangku jawatan Setiausaha Agung dan menjalankan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Agung.
5. Bendahari bertanggungjawab menerima yuran, menyimpan buku akaun dan menjaga amanah kewangan Parti serta menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan kepada setiap mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan Sekretariat dan Kongres Nasional.
6. Timbalan Bendahari bertanggungjawab membantu Bendahari. Apabila ketiadaan Bendahari, Timbalan Bendahari akan memangku jawatan Bendahari dan menjalankan tugas dan tanggungjawab Bendahari.
7. Ahli Jawatankuasa biasa akan diberi tugas-tugas yang bersesuaian oleh Jawatankuasa Pusat.

## **FASAL 13      CAWANGAN**

1. Cawangan Parti boleh ditubuhkan dengan mempunyai sekurang-kurangnya lima belas (15) ahli dan penubuhannya perlu disahkan oleh Jawatankuasa Pusat dan hendaklah dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
2. Jawatankuasa Pusat juga mempunyai kuasa untuk membatalkan Cawangan jika ahlinya kurang daripada lima belas (15) orang dalam tempoh enam (6) bulan berturut-turut atau jika dianggap melanggar Perlembagan dan peraturan Parti atau keputusan Jawatankuasa Pusat.
3. Mesyuarat Agung tahunan Cawangan hendaklah memilih seorang warganegara Malaysia memegang setiap jawatan-jawatan berikut:-
  - I. Pengerusi
  - II. Naib Pengerusi
  - III. Setiausaha
  - IV. Bendahari
  - V. Ahli Jawatankuasa (3 ahli)
4. Mesyuarat Agung tahunan Cawangan, bagi setiap dua tahun, harus memilih satu (1) orang perwakilan bagi setiap lima (5) ahli untuk peringkat Kongres Nasional. Mereka akan menjadi perwakilan bersama dengan Pengerusi dan Setiausaha Cawangan. Notis dan pengumuman awal mesyuarat tersebut hendaklah dihantar oleh setiausaha cawangan kepada ahli-ahli tidak lewat daripada 21 hari sebelum tarikh untuk mesyuarat.
5. Jika Korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, maka Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 7 hari ) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
6. Tugas Jawatankuasa Cawangan adalah menguruskan hal-ehwal Cawangan mengikut Perlembagaan, Sekretariat, Jawatankuasa Pusat dan Kongres Nasional, serta mengemukakan cadangan-cadangan kepada Sekretariat, Jawatankuasa Pusat dan Kongres Nasional.
7. Jawatankuasa Cawangan bertanggungjawab mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali dengan kuorum sekurang-kurangnya separuh jumlah Ahli Jawatankuasa. Notis tidak kurang dari satu minggu mesti diberi kepada ahli Jawatankuasa Cawangan. Ahli cawangan berhak menghadiri mesyuarat dan boleh bersuara tetapi tidak dibenarkan mengundi. Minit mesyuarat perlu disediakan oleh Setiausaha Cawangan dan dikemukakan kepada Setiausaha Agung tidak lewat dari empat belas (14) hari selepas mesyuarat diadakan.

8. Korum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dianggap cukup jika separuh jumlah ahli cawangan berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli jawatankuasa cawangan mengikut mana yang kurang hadir di dalam mesyuarat tersebut.
9. Mesyuarat Agung Khas Cawangan boleh diadakan atas arahan Jawatankuasa Pusat atau apabila Jawatankuasa Cawangan memikirkannya mustahak atau atas permintaan bertulis tidak kurang daripada satu pertiga jumlah ahli cawangan dengan menyatakan tujuan dan sebab mengadakannya. Mesyuarat itu hendaklah diadakan dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan permintaan daripada ahli-ahlinya.
10. Fasa 13(8) dan 13(5) di dalam undang-undang ini boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan, dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas satu jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat tersebut atas permintaan ahli-ahlinya, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh ini, mesyuarat tersebut yang dipohon dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.

## **FASAL 13B PEMUDA PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

### 1.0 Nama

Pemuda Parti Sosialis Malaysia dan dikenali dengan akronim Pemuda PSM.

### 2.0 Logo



### 3.0 Syarat Keahlian

- 3.1 Berumur daripada 16 tahun sehingga 30 tahun dan menerima idea sosialis yang asas.
- 3.2 Membayar yuran keahlian Parti Sosialis Malaysia.
- 3.3 Setiap permohonan kemasukan ke Parti Sosialis Malaysia yang berumur antara 16 tahun hingga 30 tahun akan dipertimbangkan untuk Pemuda PSM.
- 3.4 Nombor dan kad ahli Pemuda PSM akan mengikut cawangan.
- 3.5 Keahliannya Pemuda PSM yang mencapai umur 30 tahun akan menjadi ahli cawangan biasa.
- 3.6 Perhentian dan pemecatan ahli Pemuda PSM adalah berdasarkan Fasal 8 dan Fasal 9 dalam Undang-Undang Parti Sosialis Malaysia.

#### 4.0 Struktur Pemuda PSM

- 4.1 Sayap Pemuda PSM peringkat cawangan akan dibentuk mengikut cawangan PSM.
- 4.2 Sayap Pemuda PSM peringkat cawangan akan dibentuk jikalau terdapat minima 5 orang ahli bertaraf pemuda berdekatan cawangan tersebut.
- 4.3 Ahli dalam sayap Pemuda PSM peringkat cawangan akan melantik seorang Ketua Pemuda PSM untuk sayap Pemuda PSM tempatan masing-masing melalui pilihanraya setiap dua (2) tahun sekali.
- 4.4 AJK Pemuda PSM akan memaklumkan kepada cawangan jikalau sayap Pemuda PSM telah berjaya ditubuhkan untuk cawangan tersebut.
- 4.5 Selain jawatan Ketua Pemuda, tiada jawatan lain yang akan diwujudkan untuk sayap Pemuda PSM di peringkat cawangan.
- 4.6 Gelaran rasmi untuk Ketua Pemuda di peringkat cawangan adalah “Ketua Pemuda Cawangan (...diikuti nama cawangan...)”.
- 4.7 Sebuah Jawatankuasa kebangsaan Pemuda PSM terdiri daripada 9 orang ahli Pemuda PSM akan ditubuhkan yang dikenali sebagai “Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM” ataupun dengan akronim “AJK Pusat Pemuda PSM”.
- 4.8 Sayap Pemuda PSM cawangan boleh dibubarkan jikalau jumlah ahli Pemuda PSM merudum ke bawah 3 ahli pemuda untuk tiga tahun berturut.

#### 5.0 Hak dan Tanggungjawab Ahli Pemuda PSM

- 5.1 Ahli Pemuda PSM perlu aktif dalam kegiatan parti di cawangan serta nasional.
- 5.2 Ahli Pemuda PSM perlu aktif dalam kegiatan Pemuda PSM di cawangan dan nasional.
- 5.3 Ahli Pemuda PSM perlu menghadiri mesyuarat tahunan Pemuda PSM cawangan masing-masing.
- 5.4 Ahli Pemuda PSM yang telah bersama Parti Sosialis Malaysia secara rasmi untuk lebih setahun berhak untuk bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda PSM cawangan and jawatan Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM.
- 5.5 Ahli Pemuda PSM berhak untuk bersuara, memberi pendapat dan mengundi di peringkat cawangan.
- 5.6 Ahli Pemuda PSM yang menjadi delegasi Pemuda PSM ke Kongres Nasional tidak boleh menjadi delegasi cawangan ke Kongres Nasional.

#### 6.0 Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM

- 6.1 Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM yang juga dikenali dengan akronim AJK Pemuda PSM Pusat dianggotai oleh sembilan (9) orang ahli menyandang jawatan berikut;
  - 6.1.1 Pengerusi Pemuda PSM

- 6.1.2 Timbalan Pengerusi Pemuda PSM
  - 6.1.3 Setiausaha Pemuda PSM
  - 6.1.4 Bendahari Pemuda PSM
  - 6.1.5 Ketua Biro Pemuda PSM
  - 6.1.6 Ketua Biro Pemuda PSM
  - 6.1.7 Ketua Biro Pemuda PSM
  - 6.1.8 Ketua Biro Pemuda PSM
  - 6.1.9 Ketua Biro Pemuda PSM
- 6.2 Tugas kepada lima (5) Biro ditentukan berdasarkan keperluan secara demokratik sentralism dalam Kongres Pemuda PSM.
  - 6.3 Pemilihan AJK Pemuda PSM diadakan setiap 2 tahun sekali di Kongres Pemuda PSM yang harus bersamaan dengan tahun pilihanraya Jawatankuasa Pusat Parti Sosialis Malaysia.
  - 6.4 Semua ahli Pemuda PSM yang telah bersama Parti Sosialis Malaysia secara rasmi untuk lebih setahun berhak untuk bertanding untuk jawatan Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM.
  - 6.5 AJK Pemuda PSM perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali dengan notis pengumuman diberikan 7 hari sebelum mesyuarat yang akan dikenali sebagai “Mesyuarat Bulanan AJK Pemuda PSM”.
  - 6.6 Mesyuarat Bulanan AJK Pemuda PSM untuk sesebuah bulan boleh dibatalkan daripada pelaksanaan jikalau mendapat persetujuan 50%+1 AJK Pusat Pemuda PSM.
  - 6.7 Mesyuarat Bulanan AJK Pemuda PSM tidak boleh dibatalkan melebihi dua kali secara berturut-turut.
  - 6.8 Kuorum untuk Mesyuarat Bulanan AJK Pemuda PSM berlangsung adalah sebanyak 50%+1 daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM.
  - 6.9 Panggilan “Mesyuarat Khas AJK Pemuda PSM” tertakluk kepada Fasal 13(8) dan Fasal 13(5) dalam undang-undang Parti Sosialis Malaysia.
  - 6.10 AJK Pemuda PSM akan mewakili Pemuda PSM di peringkat Jawatankuasa Pusat PSM secara tetap.
  - 6.11 Jikalau seseorang Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM yang meletak jawatan, meninggalkan parti, dipecat daripada parti, atau meninggal dunia, maka jawatannya akan diisytiharkan kosong.
  - 6.12 Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM boleh melantik seorang penyandang jikalau tempoh Kongress Pemuda PSM seterusnya lebih daripada 90 hari dengan persetujuan 50%+1 Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM aktif.
  - 6.13 Jawatan kosong perlu diisikan melalui proses pilihanraya ketika Kongress Pemuda PSM yang seterusnya.

## 7.0 Tugas Ahli Jawatankuasa Pusat

### 7.1 Pengerusi Pemuda PSM

- 7.1.1 Bertanggungjawab dalam menjaga hubungan antara Pemuda PSM serta dengan Parti Sosialis Malaysia (PSM).
- 7.1.2 Mempengerusikan mesyuarat bulanan AJK, mesyuarat khas, serta menandatangani minit mesyuarat.
- 7.1.3 Bertanggungjawab memastikan program dan kempen perjuangan Pemuda PSM mencapai matlamatnya.
- 7.1.4 Menyediakan dan membentangkan laporan bulan Pemuda PSM kepada Jawatankuasa Pusat (CC) Parti Sosialis Malaysia (PSM).

### 7.2 Timbalan Pengerusi Pemuda PSM

- 7.2.1 Bertanggungjawab terhadap pengurusan serta pentadbiran dalaman Pemuda PSM.
- 7.2.2 Mempengerusikan mesyuarat bulanan AJK, mesyuarat khas, mesyuarat kelulusan ahli baru serta menandatangani minit mesyuarat ketika ketiadaan Pengerusi.

### 7.3 Setiausaha Pemuda PSM

- 7.3.1 Memanggil, mengambil dan menyimpan rekod minit mesyuarat bulanan AJK Pemuda PSM serta mesyuarat khas atas permintaan AJK Pemuda PSM.
- 7.3.2 Menyimpan dan mengemaskini rekod keahlian Pemuda PSM serta memastikan senarai terkini dihantar kepada PSM.
- 7.3.3 Bertanggungjawab mengedarkan sebarang kenyataan media selepas dipersetujui oleh AJK Pemuda PSM.
- 7.3.4 Menyediakan dan membentangkan laporan Pemuda PSM kepada Mesyuarat Jawatankuasa Nasional (NC) PSM.
- 7.3.5 Mengusulkan semua borang pendaftaran ahli baru kepada AJK Pemuda PSM ketika Mesyuarat bulanan.
- 7.3.6 Memaklumkan status permohonan semada gagal atau lulus sebagai ahli Pemuda PSM kepada pemohon ahli dan/atau cawangan.
- 7.3.7 Bertanggungjawab menjaga semua media sosial Pemuda PSM.

### 7.4 Bendahari Pemuda PSM

- 7.4.1 Bertanggungjawab menjaga akaun bank pemuda PSM yang diluluskan oleh AJK Pemuda PSM
- 7.4.2 Bertanggungjawab menyediakan bajet untuk sebarang program anjuran Pemuda PSM.
- 7.4.3 Menyediakan dan membentangkan laporan kewangan bulanan Pemuda PSM ketika mesyuarat AJK Pemuda PSM.
- 7.4.4 Bertanggungjawab membentangkan laporan kewangan Pemuda PSM di Kongres Pemuda PSM.

- 7.4.5 Bertanggungjawab mencari serta menerima derma dan dana bagi pihak Pemuda PSM berdasarkan garis panduan PSM.
- 7.4.6 Pastikan bahawa Pemuda PSM mematuhi Fasal 16 dalam Undang-Undang Parti Sosialis Malaysia.

#### 7.5 Ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda PSM

- 7.5.1 Portfolio biro untuk AJK Pemuda (Pusat) ditetapkan ketika Kongres Nasional Pemuda PSM.
- 7.5.2 Skop portfolio Biro boleh diluaskan atau dikecilkan mengikut kesesuaian ketika Kongres Nasional Pemuda PSM.
- 7.5.3 Gelaran Ketua Biro adalah berdasarkan skop tugas yang dipersetujui dalam Kongres Nasional Pemuda PSM.

#### 8.0 Kongres Nasional Pemuda PSM

- 8.1 Kongress Nasional Pemuda PSM adalah badan tertinggi dalam Pemuda PSM yang menentukan hala tuju dan polisi Pemuda PSM secara keseluruhan.
- 8.2 Kongress Nasional Pemuda PSM bersidang setahun sekali dan sebelum Kongres Nasional PSM.
- 8.3 Perwakilan kepada Kongres Nasional Pemuda PSM terdiri daripada perwakilan daripada sayap Pemuda PSM cawangan masing-masing.
- 8.4 Korum untuk Kongress Nasional Pemuda PSM sekurang-kurang 50%+1 perwakilan daripada jumlah Pemuda PSM cawangan.
- 8.5 Setiap sayap Pemuda PSM cawangan perlu menghantar minima dua (2) wakil sayap Pemuda PSM cawangan ke Kongres Nasional Pemuda PSM.
- 8.6 Ketua Pemuda PSM cawangan dan seorang ahli Pemuda PSM yang dipilih oleh sayap Pemuda PSM cawangan masing-masing memiliki satu undi ketika Kongress Pemuda PSM.
- 8.7 Sayap Pemuda PSM cawangan dibenarkan menghantar perwakilan lebih daripada 2 orang yang berhak mencadangkan, berhujah dan berdebat di Kongress namun tidak dibenarkan mengundi.

#### **FASAL 14 TUGAS AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN**

1. Pengerusi Cawangan bertanggungjawab mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa dan mesyuarat-mesyuarat lain, menandatangani minit mesyuarat dan menjaga pentadbiran Cawangan, memastikan semua pemegang jawatan menjalankan tugas dan tanggungjawab, memegang amanah menjaga dokumen, buku, harta dan wang Cawangan dan berhak mendapatkan dokumen, buku, harta dan wang untuk sebarang semakan dan penyelidikan.
2. Naib Pengerusi Cawangan bertanggungjawab membantu Pengerusi. Apabila ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi memangku jawatan Pengerusi dan menjalankan tugas dan tanggungjawab Pengerusi.

3. Setiausaha Cawangan bertanggungjawab menjalankan tugas dan memanggil mesyuarat mengikut arahan Pengerusi atau Jawatankuasa Cawangan. Setiausaha bertanggungjawab menyimpan rekod semua mesyuarat, surat-menyurat, dokumen dan sebarang dokumen berkaitan, menyelenggara daftar ahli, menyediakan dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa untuk Mesyuarat Agung Tahunan.
4. Bendahari bertanggungjawab menerima yuran, menyimpan buku akaun dan menjaga amanah kewangan Cawangan serta menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan kepada setiap mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
5. Ahli Jawatankuasa biasa akan diberi tugas-tugas yang bersesuaian oleh Jawatankuasa Pusat

## **FASAL 15 KEWANGAN**

1. Semua wang Parti perlu disimpan oleh Bendahari dalam akaun Parti di bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat. Semua wang yang diterima perlu disimpan dalam bank dalam masa tiga (3) hari selepas penerimaan ke dalam akaun Parti.
2. Bendahari berhak memegang tidak lebih daripada RM500 wang tunai Parti untuk perbelanjaan pada satu-satu masa dan sebarang pengeluaran wang yang melebihi RM200 perlu mempunyai tandatangan Bendahari dan Pengerusi atau Setiausaha.
3. Sebarang perbelanjaan melebihi RM1,000 tidak boleh dikeluarkan tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Pusat. Bendahari juga bertanggungjawab menyediakan akaun Parti untuk keperluan Audit untuk dikemukakan kepada Kongres Nasional.
4. Semua wang Cawangan perlu disimpan oleh Bendahari Cawangan dalam akaun Cawangan di bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Cawangan. Semua wang yang diterima perlu disimpan dalam bank dalam masa tiga (3) hari selepas penerimaan ke dalam akaun Cawangan.
5. Bendahari Cawangan berhak memegang tidak lebih RM200 wang tunai cawangan untuk perbelanjaan pada satu-satu masa dan sebarang pengeluaran wang yang melebihi RM100 perlu mempunyai tandatangan oleh Bendahari dan Pengerusi atau Setiausaha.
6. Sebarang perbelanjaan melebihi RM400 tidak boleh dikeluarkan tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Cawangan. Bendahari juga bertanggungjawab menyediakan akaun cawangan untuk keperluan Audit untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Agung Tahunan.
7. Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 16 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Kongres Nasional yang berikut



dan salinannya boleh diperolehi untuk makluman ahli di alamat tempat urusan Parti yang berdaftar dan dari pejabat tiap-tiap cawangan.

8. Tahun kewangan Parti ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

#### **FASAL 16 PEMERIKSAAN KIRA-KIRA**

1. Kongress Nasional perlu melantik seorang akauntan bertauliah atau syarikat akauntan bertauliah sebagai juruaudit untuk memeriksa kira-kira wang dan harta Parti
2. Kongress Nasional juga perlu melantik dua orang juruaudit yang terdiri daripada ahli parti bagi memeriksa kira-kira wang dan harta Parti dan semua cawangan bagi setahun dan membuat laporan untuk Kongres Nasional dan Mesyuarat Tahunan Cawangan.

#### **FASAL 17 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

1. Di antara berlangsungnya Kongres Nasional, Jawatankuasa Pusat boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa Pusat, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Kongres Nasional, keputusan Jawatankuasa Pusat ke atas ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Kongres Nasional.

#### **FASAL 18 PINDAAN UNDANG-UNDANG**

1. Perlembagaan ini atau sebarang bahagian daripadanya boleh dipinda atau dimansuhkan dengan mengadakan Kongres Nasional atau Kongres Nasional Khas mengikut FASAL 10.
2. Permindahan Perlembagaan adalah tertakluk kepada keputusan majoriti dua pertiga daripada ahli yang menghadiri Kongres Nasional untuk membolehkan pindaan atau pemansuhan sebarang bahagian daripada Perlembagaan.
3. Permohonan untuk pindaan dan perubahan undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan Kongres Nasional meluluskan pindaan atau perubahan itu dan hanya boleh berkuatkuasa mulai daripada tarikh pindaan-pindaan dan perubahan-perubahan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

#### **FASAL 19 MEMBUBARKAN PARTI**

1. Parti boleh dibubarkan secara sukarela melalui ketetapan oleh tidak kurang daripada tiga-perempat (3/4) daripada jumlah semua ahli Parti yang hadir di dalam suatu Kongres Nasional yang dipanggil khas kerananya. Jika Parti

dibubarkan mengikut peruntukan di atas, semua hutang dan tanggungan Parti yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan, dan sebarang baki akan diselesaikan dengan cara yang ditentukan oleh Kongres Nasional.

2. Kenyataan mengenai pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari daripada tarikh pembubaran itu.

TAMAT

---

## **GARIS JUANG PARTI - PARTY LINE**

*Diterima dalam Kongres Pertama CAMERON SUMMIT 1998 dan Kongres yang berikutnya sehingga kemaskini terakhir*

*Dibentangkan dan diterima dalam Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia ke 20, 2018 di Dewan Tow Boo Keong, Ipoh Perak*

<b>Party Line/Garis Juang Parti</b>	
1.	<p><b>Masyarakat Kelas</b> Program Masyarakat Kelas Parti yang telah digubal di Cameron Highlands 1998 dan diubahsuai pada setiap Kongres Parti sejak 2000.<i>(sila rujuk carta)</i></p>
2.	<p><b>Keahlian PSM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keahlian terbuka</li> <li>• Parti aktivis</li> <li>• Ahli mesti mempunyai ciri-ciri berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Aktif</li> <li>ii) Memahami prinsip sosialis yang asas</li> </ul> </li> </ul>
3	<p><b>Ahli Baru</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalani kursus ideology dan menerima analisa kelas</li> <li>• Akan melalui tahap ujian(probationary) antara 3 hingga 12 bulan</li> </ul>
4.	<p><b>Parti dan Front(Barisan hadapan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Alaigal,CDC dan SWP adalah fron PSM</li> <li>• Kumpulan-kumpulan yang dibentuk oleh front adalah sub-front PSM</li> <li>• PSM akan mempunyai cawangan-cawangan yang menjalankan aktiviti-aktiviti akarumbi.</li> <li>• Democratic Centralism disarankan disemua peringkat namun ia hanya diwajibkan bagi perhubungan Parti dengan cawangannya sahaja.</li> <li>• Ahli-ahli yang terlibat dalam kedua-dua kerja iaitu kerja Front dan Parti harus mengambil langkah-langkah untuk lebih menumpu satu sahaja pada masa hadapan</li> <li>• Pengiktirafan adalah sama. Kedua-dua kerja iaitu kerja parti dan kerja front amat penting sekali</li> </ul>

5.	<p><b>Front dan parti – perhubungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Front ada kebebasan (independence) tapi ada link dengan pusat</li> <li>• Dasar perjuangan yang sama</li> <li>• Pusat memberi kekuatan dasar dan ideologi manakala front mengambil keputusan taktikal di peringkat akarumbi</li> <li>• Sering berdialog dan memainkan peranan masing-masing</li> <li>• Perlu ada wakil front dalam parti</li> <li>• Kongres Nasional menentukan fron masuk dan keluar</li> </ul>
6.	<p><b>Mesyuarat</b> Mesyuarat terbuka kepada semua ahli tetapi jika ada undi hanya untuk mereka yang terpilih dan bukan pemerhati.</p>
7.	<p><b>Isu Negara Sekular</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PSM berpendirian tegas dan komitet untuk menegakkan dan mempertahankan satu negara dan sistem sekular</li> <li>• Tidak menyokong apa-apa bentuk negara teokratik (theocratic state) di mana pemerintah adalah dari satu agama sahaja yang memaksakan sistem pemerintahan dari agama itu ke atas masyarakat berbilang kaum dan agama lain.</li> </ul>
8.	<p><b>Hubungan Dengan Parti Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PSM sedia bekerjasama mengikut program minima (minumum program) dengan mana-mana parti.</li> <li>• PSM boleh membuat "election pact" secara taktikal dengan parti-parti lain semasa pilihanraya.</li> </ul>
9	<p><b>Isu Wanita</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengorganisasi secara gandingan bersama golongan lelaki dan perempuan dan bukan berasingan</li> <li>• Melibatkan diri dan menerajui dalam kempen-kempen Nasional mengenai isu wanita</li> <li>• Menentang sistem patriarchal</li> <li>• Mengutarakan isu sistem kapitalisma sebagai musuh utama.</li> </ul>
10	<p><b>Globalisation</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Globalisasi adalah sebahagian agenda imperialis dan kapitalis dunia dan PSM akan bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan regional untuk membantah agen-agen kapitalis seperti IMF, Bank Dunia &amp; WTO.</li> <li>• Membantah polisi neoliberal dan Pengswastaan</li> <li>• Membantu pekerja migran dalam semangat ke International (Workers of the World Unite)</li> </ul>

11	<p><b>Strategi dan Taktik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Komitet untuk bekerja menegakkan satu sistem sosialis di mana faktor pengeluaran dikawal oleh pekerja dan semua orang dapat hidup bahagia, saksama, aman dan adil.</li> <li>▪ Bergerak dengan kemahuan majoriti rakyat/pekerja</li> </ul>
----	--

**GARIS JUANG PARTI - PARTY LINE: CARTA RUJUKAN 1 MASYARAKAT KELAS**

*Diterima dalam Kongres Pertama CAMERON SUMMIT 1998 dan Kongres yang berikutnya sehingga kemaskini terakhir*

*Dibentangkan dan diterima dalam Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia ke 20, 2018 di Dewan Tow Boo Keong, Ipoh Perak*

**JENIS KELAS/ SIFAT-SIFAT KELAS/HUBUNGAN&PENDEKATAN**

KELAS	SIFAT-SIFAT	HUBUNGAN& PENDEKATAN	
Kapitalis Antara bangsa	Kelas ini cenderung kepada globalisasi, liberalisasi, tenaga pekerja tanpa kesatuan, dan kerajaan pro-perdagangan. Cth: Badan-badan multi-nasional (MNCs) yang menindas dan memaksimakan keuntungan terhadap ekonomi negara-negara membangun.	Musuh	Lawan
Elit politico/ Perniagaan (Kapitalist Nasional)	Menyokong hubungan rapat di antara perdagangan dan politik. Menjadi "orang tengah" bagi industrialist (tempatan dan asing) dan kerajaan. Menentang globalisasi yang menyeluruh tetapi masih ingin melabur di luar negara. Lebih selesa dengan pemerintahan diktator.	Musuh	Lawan
Kapitalis Kecil	Menentang globalisasi, korupsi, hubungan rapat di antara politik dan perdagangan. Mengukuhkan perdagangan sendiri tanpa bantuan dan tidak mengharap kepada kerajaan. Boleh dipengaruhi untuk menyokong amalan demokrasi. Jumlahnya kecil di dalam kelas kapitalis. Sering disingkir ke dalam kelas pekerja	Lawan bila menindas	Lawan bila menindas
Government Linked Companies (GLC)	Government Linked Companies (GLC) memainkan peranan yang besar dalam ekonomi Negara. 20 syarikat GLC utama (G20) mempunyai jumlah pelaburan pasaran( <i>market capitalization</i> ) sebanyak 42% dari seluruh pelaburan negara(2015). GLC telah digunakan mengurangkan jurang kekayaan antara bumiputra dan bukan bumiputra pada awalnya, kini jurang pendapatan sangat tinggi antara pengurusan atasan dan pekerja bawahan GLC. Ia juga menjadi sumber kewangan untuk ahli politik untuk kekal berkuasa. Fungsi dan	Lawan bila menindas	Lawan bila menindas

	pencapaian GLC ditentukan oleh tuan politik yang memerintah Kerajaan Pusat, dimana menjadi pemusatan kuasa kewangan dan politik ditangan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Kepentingan GLC juga bercanggah dengan kapitalis antarabangsa.		
Kapitalis Kecil (Kroni)	Kategori kroni-kroni kerajaan termasuk kontraktor2 keselamatan, pembersihan dan pembinaan. Vendor program Petronas, Proton, kedai minyak etc. Mereka amat bergantung pada kerajaan untuk perniagaan mereka dan hanya mereka yang sokong pemerintah akan dapat kontrak kerajaan ataupun GLC. Sebahagian besar daripada kepimpinan parti politik pemerintah di peringkat 'Bahagian'(cawangan) adalah daripada kelas ini.	Biarkan	Lawan bila menindas
Golongan Profesional/ Pengurus	Golongan elit yang kecil di dalam dunia tenaga kerja. Graduan, yang mendapat ganjaran lumayan daripada kapitalis untuk menindas pekerja demi memaksimakan keuntungan. Dalam keadaan ekonomi yang bagus mereka cenderung memihak kepada pemimpin bersifat diktator tetapi dalam keadaan ekonomi yang buruk mereka menyokong kegiatan memperjuangkan demokrasi. Enggan berdepan untuk mempertahankan hak. Terlalu individualistic & mendewa-dewakan kestabilan politik dan perkembangan ekonomi. Suara dan pandangan mereka lebih lantang walaupun jumlah mereka ini kecil.	Bekerja-sama mengikut taktik (TA)	Menjalinkan hubungan
Separat (semi) profesional	Kelas menengah di bandar, dari berbilang kaum, dan di dalam pengurusan menengah dan bawahan. Memiliki diploma; professional yang bergaji rendah seperti wartawan & wakil jualan barangan. Sering tidak puas hati dengan taraf pekerjaan mereka tetapi tidak berani memperjuangkan hak. Senang bertukar pekerjaan. Berhutang. Tidak senang dengan keadaan politik yang tidak stabil. Terlalu individualistik. Kekuatan mereka berpaut kepada bilangan kelas tersebut. Seringkali pandangan mereka di anggap sebagai pandangan umum. Kejayaan mereka berkaitan rapat dengan kesetiaan dan sokongan politik tertentu. Mempunyai pengaruh semasa pilihanraya.	Kawan	Sokong
Pekerja	Suatu kumpulan yang besar dengan lebih kurang 6 juta	Kawan	Mengaturkan

Perindustrian & sektor perkhidmatan di bandar	<p>ahli. Terdiri daripada pekerja gaji rendah di sektor perindustrian dan sektor perkhidmatan seperti pemungut tol, atendan letak kereta, pelayan pejabat, setiausaha rendah dll. Kebanyakannya daripada kaum Melayu. Semangat perjuangan sebagai satu kelas lebih kukuh dibandingkan dengan Kelas Menengah. Namun kesedaran masih rendah dan dipecahbelahkan mengikut kaum. Perasaan perkauman wujud tetapi mula berkurang. Tetapi pengaruh keagamaan konservatif sedang meningkat.</p> <p>Undang-undang dan dasar pekerjaan yang pro-majikan seperti sistem kontrak buruh, dasar buruh murah dan pengambilan pekerja migran mengancam peluang pekerjaan dan menjadikan kumpulan ini sangat lemah dan terdedah kepada pelbagai eksploitasi. Bercenderung untuk menganggap pekerja migran sebagai punca masalah mereka.</p> <p>Kekurangan masa untuk hal-hal lain kerana sibuk dengan buat kerja lebih masa atau 2 kerja. Mampu mempengaruhi keputusan pilihanraya dan oleh itu sering diumpan oleh kerajaan.</p>		perjuangan
Pekerja Ladang	<p>Kebanyakan adalah pekerja migrant. Pekerja tempatan terdiri daripada kaum India diikuti dengan kaum Melayu. Gunatenaga tempatan di sektor ini semakin berkurangan akibat keadaan kerja yang oppressif serta perkembangan spt pembangunan ladang yang mengakibatkan pengusiran, outsourcing dll. Mempunyai taraf pendidikan yang rendah, dan kerjaya yang statik. Minda kemasyarakatan dikuasai oleh media massa tetapi makin berubah dengan proses urbanisasi dan kedudukan ladang hampir dengan kawasan industri.</p>	Kawan	Mengaturkan perjuangan
Penuntut/ mahasiswa/i	<p>Kesedaran politik dan peranan mahasiswa dalam isu-isu semasa serta perkembangan politik negara semakin meningkat di kalangan mahasiswa. Sekumpulan pelajar yang agak signifikan bilangannya berani bersuara dan bertindak menentang ketidakadilan terhadap mahasiswa, dan juga turut melibatkan diri dalam perjuangan rakyat menentang pemerintahan yang tidak adil. Sedia menghadapi risiko akibat dari aksi mereka.</p> <p>Namun sebilangan besar yang mengharap sangat kepada pendidikan untuk berjaya di dalam kerjaya hingga takut melibatkan diri.</p>	Kawan	Mengaturkan perjuangan

Sektor Kerajaan (Public sector)	1.6 juta orang kesemuanya (2016). Sebahagian separa professional yang bergaji rendah. Dikuasai oleh kaum Melayu. Terlalu berjaga-jaga dan takut kerana ingin mengekalkan jawatan masing masing. Menjadi sumber maklumat dalaman terhadap berita politik dan penyelewengan. Berita merebak cepat di kalangan mereka. Sokongan mereka boleh menjadi penentu di dalam pilihanraya.	Kawan	Sokong/ Mengaturkan perjuangan
Peniaga Kecil (Petty traders)	Lebih daripada 1.5 juta orang (2016). Peniaga tepian jalan, pemandu teksi, peniaga kedai runcit, agen insuran dll. Pelbagai kaum. Kejayaan di dalam kerjaya bergantung kepada ketekunan bekerja & hubungan rapat dengan pihak atasan. Berupaya menghebahkan berita dengan secepat mungkin.	Kawan	Sokong/ Mengaturkan perjuangan
Nelayan/ Petani	Lebih kurang 1.3 juta (2016) keluarga Melayu di luar bandar. Pandangan sebagai satu masyarakat atau kelompok amat kuat. Mempunyai keyakinan diri yang rendah, dan meletakkan kepercayaan kepada pemimpin politik. Kesetiaan mereka dibeli dengan penawaran pelbagai jenis subsidi yang tidak semestinya menguntungkan mereka. Wujudnya kadar pengangguran tinggi dan kemiskinan. Harus mengambilkira pandangan mereka terhadap agama dan budaya. Satu masalah utama adalah saiz tanah yang dimiliki yang berkaitan dengan cara tanah diwarisi (fragmentation).	Kawan	Sokong / Mengaturkan perjuangan
Pekebun kecil dan penternak	Kebanyakannya kaum Cina dari kampung-kampung baru yang mengerjakan tanah milik kerajaan untuk berpuluh-puluh tahun. Membuat sumbangan penting kepada pengeluaran makanan tempatan tetapi tidak diberikan pengiktirafan yang sewajar. Ditekan oleh pembangunan, dan menghadapi pengusiran paksa.	Kawan	Sokong/Mengaturkan perjuangan
Orang asli (Sem Malaysia)	Jumlah 148,000 orang penduduk yang terdiri dari 18 suku kaum orang asli dan kebanyakan mereka bertaburan di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia. Masyarakat yang amat tertindas dan miskin. Patuh kepada Tok Batin yang berada di bawah cengkaman JAKOA yang pro- pemerintah dan bersikap paternalis terhadap orang asli. Tidak diiktiraf sebagai bumiputera. Dipinggirkan daripada pembangunan yang menekan mereka. Hak ke atas tanah adat sering dicabuli. Terpaksa menjadi buruh kasar di ekonomi pasaran.	Kawan	Sokong/ Megaturkan perjuangan



Orang asal (Sabah & Sarawak)	<p>Kuasa politik yang terbesar di Sabah dan Sarawak dan terdiri daripada beberapa suku kaum – Iban, golongan majoriti di Sarawak, dan Kadazun-Dusun, majoriti di Sabah. 2/3 populasi Sarawak dan 1/3 populasi Sabah terdiri dari orang asal. Diiktiraf sebagai bumiputera; kebanyakan mereka adalah Kristian.</p> <p>Perkembangan ekonomi kapitalis di kawasan desa dalam bentuk pembalakan, pembinaan empangan dan jalanraya, dan projek perladangan menyebabkan perubahan dalam masyarakat feudal. Ia menyebabkan ‘displacement’ dari tanah, dan perubahan dari petani subsistence ke buruh berupah.</p> <p>Dari segi kelas, bukan homogenous. Ada elite kecil (pemaju, kontraktor, ahli politik); 80% rakyat terpinggir – petani subsistence, pekerja kontrak dan penganggur.</p>	Kawan	Sokong/ Mengaturkan perjuangan
Lumpen Ploretariat	<p>Penganggur kronik, terlibat dalam jenayah kecil. Mereka ini adalah mangsa (dikasari) sistem kapitalis. Sebahagian besar antara mereka adalah penagih dadah dan gelandangan. Penjenayahan pengambilan dadah oleh pentadbiran kita mewujudkan pelbagai tekanan terhadap golongan ini kerana mereka sering diganggu oleh tangkapan dan penahan untuk ujian kencing. Ia tidak membantu pemulihan mereka sebaliknya semakin memudaratkan keadaan.</p>	TA	Sokong
Pekerja migran  Orang Pelarian	<p>6 juta dari Nepal, Bangladesh, Indonesia, Vietnam, Myanmar dll. sbg buruh murah untuk meningkatkan lagi keuntungan kapitalis. Bidang kerja: pekerja domestik, pekerja ladang, pekerja kilang, pekerja perkhidmatan. Antara pekerja yang amat tertindas dan terdedah kepada pelbagai jenis penderaan. Tidak ada perlindungan undang2 yang mencukupi. Di pandang sebagai pesaing oleh pekerja tempatan. Tiada pergaulan antara pekerja tempatan dan pekerja migran. 3.5 juta antara mereka adalah tanpa dokumen yang sah. Kumpulan ini menghadapi masalah pembulian dan eksploitasi yang lebih teruk.</p> <p>Lebih kurang 180,000. Kumpulan terbesar adalah daripada Myanmar. Oleh kerana Malaysia tidak menerima kategori “pelarian” mereka dikumpulkan bersama “Pendatang Asing Tanp Izin” dan dinafikan hak bekerja secara sah. Oleh itu mereka selalu ditipu dan ditekan oleh majukan jkerana nmereka tidak ada ruang untuk mengadu.</p>	Kawan	Sokong/ Megaturkan perjuangan

**Nota kaki**

**Musuh** – dikenalpasti sebagai kelas penindas yang perlu ditentang dalam perjuangan

**Biarkan** – bukan musuh kelas atau rakan seperjuangan yang signifikan. Maka mereka tidak menjadi fokus untuk mengaturkan perjuangan dan melibatkan dalam program parti .

**Kawan-** Kelas fokus kita yang perlu diatur secara rapi.

**TA** – Alainsi taktikal – bekerjasama dengan kelas ini jika wujud keperluan untuk mencapai suatu misi yang lebih besar.

# **REGULASI TATATERTIB**

## **PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA TATATERTIB**

Diusulkan dalam Kongres ke-6 dan diluluskan.

- Jawatankuasa Kecil yang dianggotai oleh Kunasekaran, Mohanarani dan S. Arutchelvan membuat deraf pertama untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat pada 25 Julai 2005.
- Deraf dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada 6 Ogos 2004 dan diminta dilulus dalam Kongres ke-7.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada 26 Mac 2005 meminta deraf ini diluluskan dalam Kongres sebagai deraf dari Jawatankuasa Pusat.
- Deraf diluluskan dalam Kongres ke-7 pada 20-22 Mei 2005.

## **DOKUMEN PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA TATATERTIB PSM UNTUK MENYOKONG FASAL 9 – UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA MENGENAI TINDAKAN DISIPLIN.**

### **Dari perlembagaan**

#### **Fasal 9 Tindakan Disiplin**

1. Sebuah Jawatankuasa Tatatertib yang dianggotai oleh lima (5) ahli parti yang bukan ahli Jawatankuasa Pusat perlu dipilih oleh Kongres Nasional dua tahun sekali. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa untuk menggantung mana-mana ahli atau cawangan bagi sebarang tindakan yang dianggap menjejaskan Parti atau nama Parti sementara menunggu siasatan.
2. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa menggantung mana-mana ahli, cawangan, bahagian atau pentadbiran negeri bagi sebarang tindakan yang dianggap menjejaskan Parti atau nama Parti sementara menunggu keputusan siasatan.
3. Ahli yang digantung keahlian akan dipanggil oleh Jawatankuasa Tatatertib untuk mendapatkan penjelasan mengapa ia tidak perlu dipecat oleh Parti. Jawatankuasa Tatatertib akan menentukan keputusan samada memecar atau mengenakan tindakan tatatertib mengikut mana-mana yang perlu.
4. Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Pusat boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pusat dalam masa empat belas (14) hari selepas keputusan dimaklumkan kepada ahli berkenaan.
5. Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Pusat boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Kongres Nasional dalam masa empat belas (14) hari selepas keputusan dimaklumkan kepada ahli berkenaan. Keputusan Kongres Nasional adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dimana-mana mahkamah.

## **Prosedur Jawatankuasa Tatatertib yang diusulkan**

1. Apabila Jawatankuasa Tatatertib (JT) mendapat satu aduan mengenai disiplin ahli, JT harus bermesyuarat dengan kprum sekurang-kurangnya 3 orang ahli dalam masa dua minggu dari tarikh penerimaan aduan.
2. JT boleh mengambil keputusan berikut sebelum memulakan siasatan dalaman:
  - a. Meminta kepimpinan cawangan atau fron atau CC mengadakan perbincangan keharmonian dengan ahli berkenaan supaya isu ini dapat diselesaikan secara abik tanpa perlu melalui inquiri dalaman.
  - b. Membuat risikan dan mengadakan perbincangan dengan ahli tersebut dan meminta penjelasan dan sebagainya dari pihak ketiga.
  - c. Dapat melepaskan ahli tersebut dari memegang sebarang jawatan dalam parti sementara menunggu keputusan tetapi tidak menggantung keahlian ahli tersebut.
3. Membuat satu inquiri dalaman yang perlu dikendalikan oleh sekurang-kurangnya tiga dari lima orang ahli yang dipilih dari JT. Ahli-ahli JT yang mempunyai kepentingan dalam kes tidak boleh melaksanakan inquiri dalaman.

Prosedur inquiri dalaman adalah seperti berikut:

- a. Kertas pertuduhan diberikan kepada ahli berkenaan dan beliau diberi masa sebulan untuk menyediakan saksi sebelum dipanggil berdepan dengan JT.
- b. JT akan mengadakan inquiri dan seboleh-bolehnya dalam masa sehari supaya tidak membebankan mana-mana pihak.
- c. JT akan mengumumkan keputusan inquiri dalam masa dua minggu selepas tamat inquiri melalui satu surat kepada ahli dan akan dihantar salinan kepada CC dan cawangan ahli tersebut.
- d. Mana-mana pihak boleh membuat rayuan atas keputusan JT dalam masa dua minggu selepas menerima keputusan JT.
- e. JT akan membincangkan rayuan dan boleh mengambil keputusan untuk menerima atau menolak rayuan tersebut dan keputusan ini harus diambil selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh menerima rayuan dan diumumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.
- f. Ahli-ahli yang masih tidak berpuas hati boleh membuat rayuan seperti dalam fasal 9(perkara 4 dan 5) Perlembagaan PArti.

### **Peraturan Umum**

- a. Sehingga JT membuat keputusan, semua ahli lain ditegah dari membuat sebarang publisiti, menghebohkan isu atau mencari simpati sehingga satu keputusan dapat dicapai.
- b. Pihak kepimpinan CC dan cawangan ditegah sama sekali untuk mempengaruhi keputusan JT dan JT harus diberi kebebasan untuk bertindak dengan bebas dan tanpa sebarang tekanan.

- c. JT harus diberi penghormatan sebagai satu badan yang dipilih oleh Kongres untuk mengendalikan hal tata tertib. Namun demikian, JT tidak mempunyai sebarang kuasa dalam hal-hal lain yang melibatkan program, taktik dan strategi parti.
- d. Mana-mana ahli JT yang didapati tidak menjalankan tugas dengan bertanggungjawab boleh dilucutkan jawatannya melalui satu Kongres Khas dan digantikan dengan Ahli JT yang lain.

- Tamat -

# **REGULASI AHLI PERWAKILAN NEGERI**

## **KERTAS POLISI: AHLI PERWAKILAN NEGERI, PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

### **LATAR BELAKANG**

Kongres Nasional PSM yang berlangsung antara 20-22hb Mei 2005 telah meluluskan satu usul yang dicadangkan oleh Cawangan Subang di bawah perkara 2.1 seperti berikut:

Bagi negeri-negeri yang tiada cawangan atau fron, adalah dicadangkan untuk dilantik seorang penyelarar negeri untuk selaraskan tugas dan mengatur organisasi. Usul ini telah dicadangkan oleh S. Arutchelvan dan disokong oleh T. Mohan dan usul diluluskan dengan undian 35-0 dengan seorang tidak mengundi.

### **CADANGAN POLISI PERLAKSANAAN**

#### 1. Nama

Posisi/Jawatan ini akan dipanggil – Ahli Perhubungan PSM Negeri

#### 2. Kelayakan dan Hak Umum

Seorang yang dilantik menjadi Ahli Perhubungan Negeri mesti menepati perkara-perkara berikut:

- i. Dilantik dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat dengan mendapat undi sekurang-kurangnya 75% keahlian JK Pusat atau  $\frac{3}{4}$  undi.
- ii. Hanya seorang Ahli Perhubungan Negeri boleh dilantik untuk setiap Negeri dalam satu-satu masa tertentu di mana dalam negeri tersebut tidak ada sebarang cawangan atau fron PSM yang wujud.
- iii. Ahli Perhubungan Negeri ini mesti menjadi Ahli PArti dan setia kepada Perlembagaan, Garis Perjuangan dan Dasar Perjuangan Parti dan tidak boleh menjadi ahli parti lain.
- iv. Ahli Perhubungan Negeri mempunyai segala hak penuh yang dimiliki oleh ahli JK Pusat dan mempunyai kuasa mengundi dalam mesyuarat JK Pusat PSM
- v. Mereka yang dilantik akan diberitahu secara rasmi melalui surat perlantikkan yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung Parti.

#### 3. Tugas Minima Ahli Perhubungan Negeri

- i. Wajib ,enghadiri Kongres Parti setiap tahun dan mesyuarat perbincangan polisi parti yang diadakan sekali dalam tiga bulan.
- ii. Menghadiri Mesyuarat JK Pusat yang diadakan biasanya sekali setiap bulan

- iii. Menghadiri sesi ideology parti dicawangan terdekat dengan negeri yang dimastautin oleh Ahli Perhubungan Negeri.
  - iv. Membayar yuran keahlian tahunan
  - v. Cuba menubuhkan satu cawangan atau fron PSM dalam Negeri tersebut.
4. Tempoh memegang Jawatan
- i. Jawatan ini boleh dipegang untuk satu tempoh masayang tidak terhad tetapi ia perlu diperbaharui setiap dua tahun sekali semasa pemilihan AJK Pusat .
5. Pelucutan Jawatan

Jawatan Ahli Perhubungan Negeri boleh dilucutkan jika;

- i. Satu cawangan atau fron telah dibentuk dalam Negeri yang dimastautin oleh Ahli Perhubungan Negeri
  - ii. Kongres Nasional menyarankan posisi ini digubal.
  - iii. Ahli Perhubungan Negeri tersebut meletak jawatan.
  - iv. Ahli Perhubungan Negeri disingkirkan dari keahlian melalui cara-cara yang dibenatkan dalam Perlembagaan Parti .
6. Pindaan
- Polisi umum ini akan berkuatkuasa dari tarikh mesyuarat jawatankuasa Pusat meluluskan dan akan dihantar kepada setiap cawangan dan from parti untuk dimaklumkan dan jika ada sebarang pindaan teknikal , ia hanya boleh dilaksanakan di peringkat JK Pusat tetapi jika ada pindaan Dasar , ia hanya boleh dilaksanakan dalam Kongres Nasional .

Polisi ini telah dibincang dalam mesyuarat JK Pusat 14hb.Oktober,2005 dan mendapat undi kelulusan penuh 13-0.

Disahkan oleh

Dr.Mohd Nasir Hashim  
Pengerusi Parti Sosialis Malaysia

S.Arutchelvan  
SUA Parti Sosialis Malaysia

# **SESI PERBINCANGAN DALAMAN – KEPIMPINAN AHLI ( 27 OGOS, 2006)**

## **1. Garis Panduan Mengorganisasi Massa.**

- i. Semua keputusan untuk sesuatu kawasan harus diambil oleh masyarakat yang berkaitan dan bukan oleh organizer sendiri.
- ii. Organizer tidak harus mempunyai agenda tersendiri semasa mengorganisasi kawasan.
- iii. Organizer harus kerap hadir ke kawasan, peka kepada isu kawasan dan belajar dari massa
- iv. Organizer harus jelas dalam taktik dan strategi dalam kerja organize
- v. Mengorganisasi kawasan haruslah dilihat sebagai aktiviti parti, bukan kerja ,sendirian berhad‘

## **2. Ciri-ciri positif yang harus diamalkan demi membolehkan debat yang sihat**

- i. Faham isu dan debat berasaskan fakta dan bukan emosi
- ii. Setia kepada parti dan bukan kepada mana-mana individu/pemimpin.
- iii. Tidak lobi dan tidak melayan lobi di luar mesyuarat.
- iv. Semasa debat, dilarang membuat kecaman kepada seseorang secara peribadi.
- v. Selepas debat yang sihat, akur kepada keputusan majotiri
- vi. Debat tidak harus didominasi oleh seorang dua sahaja.

## **3. Pengagihan tugas**

- i. Agihkan kerja berdasarkan minat, ahli mestilah ambil bahagian
- ii. Beri tanggungjawab ko-ordinator kepada orang baru dan berikannya sokongan
- iii. Liaise dan buat follow up dengan ahli baru/kurang aktif yang diberikan tugas
- iv. Kerja dalam kumpulan.
- v. Penyelaras bergilir-gilir dalam pelaksanaan setiap program.
- vi. Memberi peluang kepada ahli yang kurang aktif dan ahli baru untuk membuat kerja.

## **4. Pendekatan ahli aktif terhadap ahli kurang aktif atau ahli baru**

- i. Ahli aktif harus beri tunjuk ajar kepada yang kurang aktif/baru
- ii. Ahli aktif harus memberikan keyakinan dan yakin memberi kerja kepada ahli kurang aktif/baru
- iii. Ahli aktif harus mengambil berat tentang kebajikan ahli kurang aktif/baru
- iv. Ahli aktif harus tidak egoistik
- v. Ahli aktif harus tegas, tegur, bantu dan bimbing ahli kurang aktif/baru



- vi. Ahli aktif harus bersikap sabar apabila menangani ahli kruang aktif/baru dan tolong menghilangkan perasaan rendah diri
- vii. Ahli aktif patut mendedahkan ahli kurang aktif/baru kepada ideologi secara formal dan tidak formal (kedai kopi)
- viii. Ahli aktif harus sentiasa memberi kritikan yang membina
- ix. Ahli aktif perlu jadi role model kepada yang kurang aktif/baru
- x. Ahli aktif perlu mengenalpasti bakat/kemahiran pada ahli kurang aktif/baru
- xi. Buat kerja bersama-sama dengan ahli kurang aktif.

# **GARISPANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN**

## **1. Pengenalan**

Tujuan garis panduan ini adalah sebagai langkah rujukan dan pemantauan serta 'check and balance' semasa Parti, Cawangan atau Komponen Parti Sosialis Malaysia (PSM) menggunakan kewangan Kerajaan Persekutuan, Negeri mahupun kerajaan tempatan. Garispanduan kasar telah dibincangkan semasa Sesi perbincangan Dalaman (SPD) Membina Kuasa Rakyat dan kerja Kebajikan pada 1 Februari 2009 di Dewan RRIM di Kota Damansara.

Garis panduan yang lebih terperinci telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada 7 Mac 2009 yang berlangsung di Sungai Siput.

Garis panduan ini kemudiannya telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Nasional (NC) pada 5 April 2009 di Semenyih, Sleangor dimana Garispanduan ini telah diluluskan.

## **2. Prinsip Asas**

Garis panduan ini berdasarkan prinsip dan pegangan seperti di bawah dan pada setiap masa, peruntukan tidak boleh disalahgunakan atau bercanggah dengan pendirian prinsip asas ini.

- i. Peruntukan kewangan tidak boleh sama sekali digunakan untuk kepentingan individu dalam parti dan komponennya atau kepentingan ahli keluarga individu mana-mana ahli parti atau komponen parti.
- ii. Peruntukan kewangan tidak boleh sama sekali digunakan untuk mengganti sifat dan sikap kesukarelawanan (volunteerism) yang sedia ada wujud dalam parti.
- iii. Parti juga sentiasa berwaspada dan mempunyai program mengutip dana untuk membolehkan program-program parti dijalankan tanpa mengharapkan atau bergantung kepada peruntukan atau kewangan dari luar. Parti mesti sentiasa 'self sufficient'
- iv. Peruntukan kewangan yang digunakan mestilah berpaksikan kepada membina kuasa rakyat demi mewujudkan satu masyarakat yang berani dan bebas dan bukan untuk mewujudkan satu masyarakat berkonsep subsidi, merendah diri dan hanya sekadar mengharapkan peruntukan dan kebajikan.
- v. Perlu mewujudkan satu mekanisme pemantauan termasuk mempunyai audit dalaman untuk memastikan tidak ada salahguna kuasa.

## **3. Keutamaan Peruntukan Kewangan**

Keutamaan peruntukan diberi berdasarkan prioriti seperti berikut:

- i. Program yang membina kuasa rakyat
- ii. Bencana – banjir, kebakaran, ribut
- iii. Kebajikan masyarakat atau kumpulan

- iv. Kebajikan individu (pendidikan, ibu tunggal dan orang kurang upaya)
- v. Lain-lain perkara yang mesti mendapat kelulusan dari JKP.

Nota – Ini membawa maksud bahawa program yang paling atas mendapat keutamaan yang lebih dari segi jumlah peruntukan, masa yang digunakan dan kekerapan pelaksanaannya.

#### 4. Mekanisme dan Pemantauan

- i. Membentuk satu Jawatankuasa Kecil Peruntukan (JKP) dianggotai oleh 3 hingga 5 orang ahli parti atau ahli yang dipersetujui dalam Mesyuarat cawangan dimana salah seorang mestilah termasuk calon/ADUN/MP/Ahli Majlis yang menerima peruntukan tersebut.
- ii. Jawatankuasa ini membuat keputusan mengenai jumlah dan syarat untuk setiap permohonan atau peruntukan yang dibuat.
- iii. Jawatankuasa ini mesti melaporkan keputusan dalam mesyuarat Majlis Perundingan Rakyat (MPR)
- iv. MPR boleh meminta Jawatankuasa ini menilai kembali sebarang keputusan yang dibuat, atau membuat teguran.
- v. Selain daripada itu, perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dalaman di peringkat cawangan untuk mengaudit Jawatankuasa Kecil Peruntukan (JKP).
- vi. Juru audit PSM Nasional yang dipilih semasa Kongres Nasional dua tahun sekali boleh dari masa ke semasa memantau audit JK audit cawangan dan meminta laporan atau membuat siasatan jika ada permintaan dari JK Pusat (CC), Jawatankuasa Nasional (NC) atau Kongres Nasional.

#### 5. Pembubaran dan Pindaan.

Sebarang pindaan dalam Garis Panduan ini boleh dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Nasional (NC) manakala sebarang pembubaran hanya boleh dibuat dalam Kongres Nasional atau Kongres Khas yang dipanggil

Diluluskan pada 5 April 2009 dengan dicadang untuk kelulusan oleh Rizana Mansor dari Cawangan Jelapang dan disokong oleh T Mohan dari Cawangan Subang.

Disahkan Oleh

Dr Nasir Hashim ,Pengerusi Parti Sosialis Malaysia.

## **TATACARA PERJALANAN PILIHANRAYA JAWATANKUASA PUSAT PARTI**

1. Kongres perlu memilih seorang yang bukan ahli jawatankuasa pusat parti, jawatankuasa tatatertib, atau juruaudit sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perlaksanaan Pilihanraya PArti (JPPP)
2. Seterusnya Pengerusi JPPP dikehendaki membentuk suatu jawatankuasa sementara (tidak kurang lima orang) SELAIN daripada ahli/delegasi parti/fron yang layak mengundi untuk membantunya melaksanakan proses pilihanraya.
3. Jawatankuasa tersebut harus diumumkan kepada semua delegasi Kongres parti/fron yang layak mengundi pada hari pertama Kongres.
4. Pengerusi JPPP akan mengumumkan proses perjalanan pilihanraya kepada semua delegasi parti/fron.
5. Segala persoalan dan bantahan harus dikemukakan terus kepada Pengerusi JPPP.
6. Semua calon untuk jawatan Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Tatatertib dan Juru Audit akan dicatatkan dalam kertas undi sepertimana yang telah dicalonkan untuk setiap cawangan dan fron parti.
7. Pengerusi JPPP akan mengumumkan jika ada jawatan yang dimenangi tanpa bertanding.
8. Delegasi yang mengundi harus memilih seperti berikut (kecuali ada perubahan berdasarkan keputusan Kongres);
  - ✓ Pengerusi – Satu shj
  - ✓ Timbalan Pengerusi – Satu shj
  - ✓ Setiausaha – Satu shj
  - ✓ Bendahari – Satu shj
  - ✓ Ahli Jawatankuasa Pusat – 5 shj
  - ✓ Ahli Jawatankuasa Tatatertib – 5 shj
  - ✓ Juru Audit – 2 shj
9. JPP harus menerangkan kepada delegasi, saluran undi yang perlu diikuti.
10. Apajua aktiviti berkempen untuk undi atau percubaan untuk mempengaruhi pengundi lain secara lisan, aksi atau bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali selepas tengah malam hari kedua Kongres.
11. Giliran mengundi akan dilakukan secara memanggil nama dari senarai orang yang berhak untuk mengundi.
12. Setiap delegasi yang dipanggil namanya harus dengan serta-merta berjumpa dengan Pengerusi JPPP untuk mendapatkan kertas undi.
13. Delegasi tersebut perlu ikut arahan ahli JPPP untuk berjalan ke pondok mengundi dan ke peti undi.
14. Kertas undi hendaklah dilipat sepertimana diarahkan oleh ahli JPPP dan dimasukkan ke dalam peti undi.
15. Pengerusi JPPP akan mengumumkan masa apabila semua delegasi selesai mengundi.

16. Proses mengira undi akan dijalankan oleh ahli JPPP sahaja.
17. Jika ada mana-mana delegasi parti/fron yang berhak mengundi ingin menjadi pemerhati kepada proses pengiraan undi, maka permohonan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu (sebelum pengundian) kepada Pengerusi JPPP.
18. Apa jua bantahan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang didapati daripada Pengerusi JPPP.
19. Pengerusi JPPP akan mengumumkan keputusan pilihanraya tersebut.
20. Pengiraan semula undi hendaklah dipohon hanya oleh orang yang dicalonkan untuk jawatan itu sahaja.

Tatacara Perjalanan Pilihanraya Jawatankuasa Pusat Parti ini telah diselaraskan oleh satu Jawatankuasa yang diketuai oleh A. Sivarajan, Ahli AJK Pusat dan Bendahari Kehormat.

Tatacara Perjalanan Pilihanraya Parti ini telah diluluskan dengan Pencadang : Jeevindran dan Penyokong : Simon.

- Tamat -

## **CIRI –CIRI PSM**

### **LIMA CIRI PENTING PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

**1. Keahlian parti hanya kepada mereka yang sanggup berkhidmat untuk rakyat**

Parti Sosialis Malaysia tidak berniat untuk membesarkan bilangan keahlian parti untuk menonjol bahawa parti mempunyai ramai ahli manakala ahlinya tidak aktif dan tidak terlibat dalam perjuangan rakyat jelata dan proses perkembangan parti.

Seorang yang ingin menjadi ahli mesti mempunyai antaranya ciri-ciri berikut ;

- i. Sanggup bekerja dengan rakyat khususnya golongan bawahan
- ii. Memahami ideologi sosialisme yang asas.

Jumlah ahli setiap cawangan akan dikawal supaya semua ahli cawangan dapat bergerak dengan aktif dan mengambil bahagian dalam perkembangan cawangan dan perjuangan rakyat.

- 2. Cawangan merupakan komponen yang paling penting dalam Parti Sosialis Malaysia.**
- 3. Semua mesyuarat parti memegang kepada prinsip terbuka dan telus .**
- 4. Jawatankuasa Pusat tidak mempunyai kuasa mutlak untuk memecat ahli.**
- 5. Parti Sosialis bukan parti bermusim pilihanraya.**

**LAGU RASMI PARTI SOSIALIS MALAYSIA**  
**LAGU INTERNATIONALE – VERSI BAHASA MALAYSIA**

Bangunlah rakyat yang tertindas  
Bangun rakyat yang diperas  
Nyalakan api perjuangan  
Menjulangi kebenaran

Hancurkan segala penindasan  
Ayuh kita bangun bangun  
Dunia baru kita dirikan  
Pasti jadi kenyataan

Perjuangan penghabisan  
Bersatulah melawan  
Dan international  
Pasti 'kan Berjaya  
(2X)

Tiada raja atau penguasa  
Peluru atau penjara  
Yang dapat menghalangi kita  
Menjadi rakyat merdeka

Selagi nyawa dalam diri  
Perjuangan takkan henti  
Biar darah membasahi bumi  
Menyerah takkan sekali

Perjuangan penghabisan  
Bersatulah melawan  
Dan international  
Pasti 'kan Berjaya  
(2X)